

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5 MAY 2016

Khidmat pengiring bermotosikal Dr. M ditarik balik

um - 5/5/2016

PAPAR 4 Mei - Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan khidmat pengawal keselamatan dari Unit Tindakan Khas (UTK) masih diberikan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi menjaga keselamatan bekas Perdana Menteri itu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, khidmat pengiring bermotosikal polis terhadap pemimpin tersebut bagaimanapun telah ditamatkan sejak minggu lalu atas arahan beliau.

Katanya, khidmat berkenaan ditarik balik berikutan tindakan Dr. Mahathir yang menghadiri beberapa program dan perhimpunan haram yang jelas bertentangan dengan undang-undang dan Perlembagaan negara.

“Kenapa pula kita perlu menye-

diakan khidmat kawalan trafik kepada orang yang pergi menyertai perhimpunan haram Bersih, perhimpunan bantah cukai barang dan perkhidmatan (GST) serta berkempen untuk deklarasi rakyat?

“Bagaimanapun, khidmat pengawal keselamatan daripada UTK ke atas beliau masih diteruskan bagi tujuan keselamatan,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Penganugerahan Pingat Keaulatan Negara (PKN) di Briged Pasukan Gerakan Am (PGA) di sini hari ini.

Seramai 200 pegawai dan anggota polis menerima PKN atas sumbangan yang diberikan sepanjang Ops Daulat tiga tahun lalu.

Menurut Khalid, Dr. Mahathir masih boleh mendapatkan perkh-

idmatan kawalan trafik, namun beliau perlu membuat permohonan rasmi kepadanya dan kebenaran akan diberi jika program yang hendak dihadiri tidak melanggar undang-undang.

Sementara itu, beliau memberi amaran kepada mana-mana kumpulan bermotosikal besar yang secara sukarela memberi iringan kepada mana-mana orang kenamaan kerana tindakan tersebut bukan sahaja melanggar undang-undang tetapi turut membahayakan keselamatan diri dan orang ramai.

Dalam pada itu, Khalid berkata, empat rakyat Malaysia yang diculik kumpulan Abu Sayyaf di Pulau Ligitan, Semporna awal bulan lalu berada dalam keadaan selamat.